

'Bantu kami pindah ke lokasi baharu'



**SUARA
KOMUNITI**

Suara Komuniti mengetengahkan masalah rakyat dan akhbar ini akan membantu pembaca mendapatkan maklum balas pihak berwajib. Aduan kehilangan kenalan, keluarga atau ingin mencari saksi juga boleh diajukan ke e-mel suarakomuniti@bh.com.my.

» Penduduk tepi sungai bimbang hakisan ancam keselamatan

Oleh Khalid Latip
bhnews@bh.com.my

Daro

Penduduk Kampung Penasu, di sini, semakin bimbang berikutan berlaku hakisan tebing sungai yang semakin serius dan mengancam keselamatan mereka.

Penduduk yang kebanyakannya bekerja sebagai petani dan nelayan tidak mampu membina kediaman di tempat yang lebih jauh dari tebing sungai, berikutan pendapatan yang tidak tetap.

Justeru, wakil penduduk kampung itu, Abang Sepani Abang Chek, 60, berkata mereka mengharapkan kerajaan menghulurkan sumbangan bagi membantu mereka berpindah ke tempat lebih selamat.

Hakisan hampir rumah

Beliau yang juga bekas guru berkata, masalah itu bertambah teruk minggu lalu apabila hakisan menghampiri rumah penduduk terletak berhampiran sungai di Kampung Penasu Hulu dan Kampung Penasu Tengah.

Hakisan bertambah buruk ke-



Hakisan sungai menghampiri rumah penduduk di Kampung Penasu Hulu dan Kampung Penasu Tengah.

tika air pasang besar kerana ketika itu aliran sungai lebih deras.

"Sudah ada penduduk yang terpaksa berpindah ke lot baharu. Namun, masih ada yang tidak ada pilihan terpaksa bertahan di sini kerana tidak mampu membina rumah lain," katanya

Beliau berkata, masalah hakisan menghantui penduduk Kampung Penasu sejak sekian

“
Kerajaan sedia lot baharu yang lebih selamat untuk dibina kediaman, sebab itu mereka disaran berpindah”

Dr Murni Suhaili,
ADUN Daro

lama. Pelbagai usaha perlu diambil untuk menangani masalah ini.

Berusaha atasi masalah

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Daro, Dr Murni Suhaili ketika dihubungi berkata, kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap setiap aduan penduduk dan berusaha mengatasinya.

"Masalah hakisan sukar diselesaikan kerana kawasan berkenaan berada di kawasan selekoh sungai yang menjadi tumpuan arus deras.

"Bagaimanapun, sebagai langkah penyelesaian, kerajaan menyediakan lot baharu yang lebih selamat untuk dibina kediaman, sebab itu mereka disaran berpindah bagi mengelak kejadian lebih buruk," ujarnya.